

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

SEU 400 -Ekonomi Kewangan

Tarikh : 6 April 1988

Masa : 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
[3 jam]

---

Arahan: Jawab SEMUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan sahaja dari Bahagian B.

Bahagian A (Jawab SEMUA soalan)

1. Dalam Teori Portfolio Tobin, ada kekayaan asal,  $W_0$ , yang hendak diagihkan di antara wang dan bon. Pemegangan bond menghasilkan pendapatan pada kadar faedah  $r_0$ , tapi mempunyai risiko. Andaikan bahawa pada setiap masa, jangkaan nilai keuntungan modal adalah sama dengan jangkaan nilai kerugian modal.
  - [i] Tunjukkan dengan jelas menggunakan gambarajah, bahawa seseorang akan memegang kedua-duanya, wang dan bon apabila wujud keadaan keseimbangan.
  - [iii] Sekiranya kekayaan asal adalah \$1,000.00 dan kadar faedah adalah 10%. Carikan nilai wang dan nilai bond yang dipegang yang menghasilkan kekayaan sebanyak \$1,080.00 dalam keadaan keseimbangan.
  - [iv] Apabila kadar faedah turun daripada  $r_0$  kepada  $r_1$ , apakah terjadi pada jumlah wang dan bon yang dipegang di dalam soalan [i]? Mengapa? Jelaskan dengan bantuan gambarajah.

2. Andaikan di dalam sebuah ekonomi tertentu, orang ramai, sistem bank dan Bank Pusat ingin mempunyai nisbah-nisbah seperti berikut:

$c = 0.5$  : Nisbah di antara tunai dan simpanan semasa;

$t = 0.8$  : Nisbah di antara simpanan masa dan simpanan semasa;

$r_d = 10\%$  : Keperluan cadangan ke atas simpanan semasa;

$r_t = 5\%$  : Keperluan cadangan ke atas simpanan masa;

$e = 0.3$  : Nisbah di antara cadangan lebihan dan simpanan semasa.

[i] Carikan jumlah bekalan wang M<sub>1</sub>, sekiranya sistem bank mempunyai jumlah cadangan sebanyak \$44 juta. Juga carikan jumlah bekalan wang M<sub>2</sub>.

[ii] Sekiranya Bank Pusat menjalankan Operasi Pasaran Terbuka di mana jumlah cadangan sistem bank telah bertambah sebanyak \$9.4 juta. Berapa banyaknya bekalan wang M<sub>1</sub> bertambah? Berapa banyak pula tunai yang dipegang oleh orang ramai bertambah?

**Bahagian B** (Jawab **DUA** soalan sahaja)

3. Bincangkan beberapa isu penting mengenai perkembangan kadar faedah dalam pasaran kewangan Malaysia pada masa kini.
4. Mengikut Friedman, dasar kewangan boleh digunakan untuk mengawal kadar pertukaran wang asing, tetapi tidak perlu dilaksanakan di Amerika Syarikat. Bincangkan.
5. Apakah teori permintaan wang Baumol? Dan apa pula implikasi-implikasi penting teori tersebut?
6. Bagaimanakah anda boleh mengenali jika satu-satu kajian empirik mengenai permintaan wang itu tidak menghasilkan keputusan yang memuaskan? Sekiranya anda terpaksa menganggar semula keluk permintaan wang tersebut, apakah langkah-langkah yang patut diambil bagi menghasilkan keputusan yang lebih baik.